

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**  
**TARIKH : 17.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kelayakan seseorang guru yang dapat dinaikkan pangkat menjadi seorang pengetua di sekolah-sekolah menengah dan guru besar di sekolah-sekolah rendah. Berapakah jumlah pengetua dan guru besar yang bukan Bumiputera yang berkhidmat di negara ini .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) dalam Mesyuarat LKPPP Bil.6 Tahun 2013 yang bersidang pada 8 Oktober 2013 telah meluluskan syarat-syarat baharu pemilihan Pengetua Guru Besar (PGB). Syarat baharu tersebut adalah seperti berikut :

**Syarat Umum**

- (i) Disahkan dalam perkhidmatan (untuk calon Guru Besar DG32 sahaja)
- (ii) Mencapai wajaran markah LNPT tiga (3) tahun terakhir sekurang-kurangnya 85%;
- (iii) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- (iv) Mengisytiharkan harta setiap 5 tahun perkhidmatan;
- (v) Lulus tapisan keutuhan SPRM;
- (vi) Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
- (vii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan;

### Syarat khusus

- (i) Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48 (calon Pengetua) atau Gred DG32 (calon Guru Besar), atau Gred DG29 (calon Guru Besar SKM(B));
- (ii) Mempunyai pengkhususan dalam Bidang Umum/ Teknikal/ Pendidikan Islam/Cina/Tamil;
- (iii) Lulus Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) atau Program Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan (NPQH);
- (iv) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran/ Ketua Bidang/ Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM(B))/ jawatan-jawatan pentadbiran di Pejabat Pendidikan Daerah/ Jabatan Pendidikan Negeri/ Bahagian/ Institut Aminuddin Baki/ Institut Pendidikan Guru/ Kolej Matrikulasi;
- (v) Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun tempoh perkhidmatan sebelum bersara (tertakluk kepada tarikh kekosongan jawatan); dan
- (vi) Melempi tahap kesihatan yang memuaskan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2013).

Pelaksanaan syarat baharu pemilihan calon Pengetua dan Guru Besar telah dipersetujui oleh Timbalan Perdana Menteri pada DTF Bil. 3/2013 pada 19 September 2013 untuk dilaksanakan mulai Julai 2014.